

22/08/1998

46,000 wanita dapat faedah AIM

KANGAR, Jumaat - Seramai 46,000 wanita luar bandar di seluruh negara mendapat faedah skim Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang diwujudkan bertujuan membebaskan rakyat daripada belenggu kemiskinan.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berkata mereka terbabit kini boleh berbangga kerana mempunyai pendapatan dan kehidupan lebih baik berbanding sebelumnya.

Katanya, melalui bantuan itu mereka mempunyai kegiatan ekonomi sendiri termasuk perusahaan atau perniagaan walaupun secara kecil-kecilan.

"Bantuan itu adalah usaha kerajaan membantu penduduk luar bandar bebas daripada belenggu kemiskinan.

"Kini, ramai wanita luar bandar mampu menikmati kehidupan lebih baik, sedangkan sebelumnya mereka adalah miskin," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis ramah mesra bersama Datin Seri Dr Siti Hasmah anjuran Badan Amal Isteri Wakil Rakyat Perlis (Baidunita), di dewan Kompleks Warisan Negeri di sini, hari ini.

Majlis berkenaan sempena lawatan kerja sehari Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke Perlis, hari ini.

Dr Siti Hasmah berkata, paling membanggakan peserta sahabat AIM bukan saja berjaya dalam bidang perusahaan dan perniagaan, malah mampu menjelaskan bayaran pinjaman setiap bulan.

Katanya, usaha yang dijalankan itu membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap kehidupan rakyat terutama di luar bandar.

(END)